

## **Perkembangan Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia**

### **Development of Waqf Higher Education in Malaysia**

Mohd Syakir Mohd Taib<sup>1</sup>, Wan Kamal Mujani, Ermy Azziaty Rozali & Kartini AbooTalib@Khalid

*Fakulti Pengajian Islam, Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia*

Wakaf mempunyai potensi yang besar dalam usaha membangunkan ekonomi masyarakat dan negara. Wakaf mempunyai ciri dinamik dalam menyusun sosioekonomi masyarakat dan seterusnya memberikan impak positif dalam kemajuan sesebuah negara. Sejarah telah membuktikan bahawa wakaf mampu membantu meningkatkan taraf ekonomi, pendidikan dan sosial umat Islam. Peranan wakaf dalam membangunkan institusi pendidikan perlu diberikan keutamaan bagi menjamin peluang kepada masyarakat yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi. Dilihat dari sudut lakaran sejarah, peranan wakaf bagi membangunkan dan memartabatkan institusi-institusi pengajian serta melahirkan ribuan cendekiawan terkenal dan tersohor di seluruh dunia terutama dalam bidang keagamaan sudah tidak dapat dinafikan lagi. Matlamat mewujudkan institusi pendidikan tinggi melalui konsep wakaf yang diilhamkan dari universiti-universiti terkenal dunia seperti Universiti al-Qarawiyyin di Fez, Moroko, Universiti al-Azhar, Mesir, Universiti Cordova di Sepanyol dan Universiti al-Fateh,Turki. Kertas kerja ini mengupas peranan wakaf dalam membangunkan institusi pendidikan yang mampu bertahan dan menjana pembangunan dan kehidupan insan , malah ia mampu meringankan kos kerajaan dan berkeupayaan menjana pendapatan sendiri.

**Kata Kunci:** *Wakaf, Ekonomi, Masyarakat, Institusi Pendidikan Tinggi*

Waqf has a great potential in developing the economy of the people and the country. Waqf has a dynamic characteristic in organizing socioeconomics of the community and thus contributing positively to the development of a nation. History has proven that waqf is able to help improve the economic, educational and social standards of Muslims. The role of waqf in developing educational institutions should be given priority in ensuring the opportunities for people who want to pursue higher education. Seen from the point of view of history, the role of waqf in developing and uplifting institutions of learning and producing thousands of intellectual and famous scholars worldwide, especially in the field of religion, is undeniable. The goal of establishing a higher education institution through the concept of waqf from world famous universities such as the al-Qarawiyy University in Fez, Morocco, al-Azhar University, Egypt, Cordova University in Spain and al-Fateh University, Turkey. This paper examines the role of waqf in developing educational institutions that are able to survive and generate to the development and human life, even waqf is also able to relieve the cost of the government and its generating ability own income.

**Keyword:** Waqf, Economy, Society, Higher Education Institutions

---

<sup>1</sup> Corresponding author: sharkkay989@gmail.com

## PENDAHULUAN

Wakaf pendidikan adalah merupakan sesuatu harta, barang, aset atau tunai yang diberikan kepada sektor pendidikan atau sesebuah institusi pendidikan sama ada secara berterusan atau tidak demi untuk kepentingan dan manfaat awam. Wakaf pendidikan diwujudkan untuk kelangsungan pembangunan ekonomi khususnya dalam bidang pendidikan dan membentuk dana berterusan tanpa terlalu bergantung kepada dana yang diberikan oleh kerajaan. Wakaf pendidikan bukan merupakan suatu perkara baru kerana ianya telah lama diimplementasikan oleh beberapa negara Islam dan Barat. Potensi wakaf dalam usaha membangunkan ekonomi sesebuah institusi pendidikan seperti universiti masih belum diyakini dan dipraktikkan di Malaysia. Kewujudan wakaf hanya dipraktikkan untuk membangunkan sekolah-sekolah agama, sekolah pondok dan madrasah-madrasah yang mana jika dilihat pada sejarah sesebuah institusi pendidikan khususnya universiti sumbangan wakaflah yang banyak membantu dan memberikan kemudahan pendidikan kepada umat Islam. Kebergantungan sesebuah universiti kepada dana yang diberikan oleh kerajaan perlu dilihat semula dan untuk menjadi sebuah universiti yang berdikari konsep amalan wakaf perlu dilaksanakan demi kemajuan umat Islam.

## DEFINISI WAKAF PENDIDIKAN TINGGI

Pendidikan tinggi bermaksud tahap pembelajaran atau pendidikan di peringkat yang lebih tinggi selepas pembelajaran di peringkat rendah atau menengah, iaitu peringkat diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah (*Kamus Dewan* 2005). Berdasarkan Akta Pendidikan Negara (1996), pendidikan tinggi bermaksud pendidikan yang disediakan oleh institusi pendidikan tinggi. Institusi pendidikan tinggi ertiannya sesuatu institusi pendidikan yang sama ada atau tidak ditubuhkan di bawah mana-mana undang undang bertulis dan termasuklah institusi pendidikan swasta yang menyediakan pendidikan tinggi yang membawa kepada penganugerahan sijil, diploma, ijazah atau yang setaraf dengannya.

## KONSEP WAKAF PENDIDIKAN TINGGI

Masyarakat Malaysia masa kini masih lagi dibayangi oleh pemahaman bahawa wakaf adalah berorientasikan tanah terbiar atau pembinaan masjid dan surau. Namun sedikit sebanyak dengan wujudnya saham tunai dan saham wakaf telah memberikan pendedahan tentang konsep sebenar wakaf itu iaitu ianya tidak hanya tertumpu kepada pembinaan rumah-rumah Allah sahaja. Konsep yang dimainkan oleh wakaf pendidikan adalah untuk membantu membangunkan sesebuah institusi pendidikan melalui sumbangan yang diperolehi. Wakaf yang diterima adalah untuk sesebuah institusi pendidikan menjalankan urus tadbir, membantu kos operasi, membangun modal insan dan meninggikan taraf pendidikan umat Islam. Pada zaman Rasullullah SAW dan para sahabat harta wakaf telah dibangun dan dikembangkan untuk membangunkan ekonomi dan pendidikan umat Islam. Universiti al-Azhar di Mesir yang terkenal dengan pembiayaan melalui sumbangan harta wakaf dan telah melahirkan ramai cendikiawan Islam dari seluruh pelusuk dunia. Universiti Oxford di England juga telah dibangunkan atas model wakaf pendidikan. Walaupun wakaf tidak diwajibkan namun ia merupakan satu ibadat sunat yang memberikan pahala yang berterusan kepada penyumbangnya walaupun telah meninggal dunia. Justeru itu wakaf pendidikan adalah bertujuan untuk membantu membina sekolah atau universiti, bilik bacaan, perpustakaan, memperbaiki bangunan dan sebagainya.

## SEJARAH PENDIDIKAN TINGGI WAKAF DI MALAYSIA

Wakaf pendidikan di Malaysia bermula di sekolah-sekolah pondok yang kemudiannya melahirkan madrasah-madrasah dan seterusnya mewujudkan sekolah-sekolah agama rakyat. Institusi pendidikan islam yang diwakafkan boleh dibahagikan kepada tiga kategori.

Pertama, Sekolah Agama Rakyat (SAR). Ia menerima sumber kewangan dari kerajaan pusat, negeri atau Majlis Agama Negeri dan ditadbir oleh rakyat atau guru dan didaftar sebagai sekolah persendirian di bawah hakmilik wakaf (sama ada sebagai rizab sekolah agama atau wakaf persendirian). Segala kos dan perbelanjaan ditanggung oleh pemilik. Dan sumber kewangan SAR juga perlu diusahakan sendiri. Namun seksyen 52 Akta Pendidikan 1954 membolehkan Menteri menghulurkan sumbangan kepada mana-mana institusi agama persendirian dalam bentuk bantuan per kapita untuk urusan pengajaran dan pembelajaran, bantuan modal membina/membalik bangunan, bantuan kursus guru, bantuan perpustakaan, dan bantuan buku teks di bawah skim pinjaman buku teks.

Kedua, Sekolah Agama Negeri (SAN) yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan negeri dan ditadbir oleh kerajaan negeri melalui Majlis Agama Negeri-negeri. Ketiga, Sekolah Agama Rakyat (SAR) di bawah pentadbiran Majlis Agama Negeri dan Zakat. Kategori kedua dan ketiga, merupakan sekolah bantuan kerajaan negeri dan dikawal, oleh MAIN (sebagai pemegang amanah) dan ditadbir sepenuhnya oleh MAIN dan diletakkan di bawah atnggungjawab bahagian sekolah agama. Kos pembangunan pula, tapak pembinaan dimiliki oleh MAIN disenaraikan sebagai rizab di Pejabat Tanah Galian dan Negeri. Tiada kos diperlukan bagi memperolehi tapak sekolah dana pembangunan diserahkan kpd MAIN (Ahmad Zaki et al. 2008).

Antara sekolah-sekolah Agama wakaf yang yang terkenal adalah:

### **Madrasah al-Attas di Negeri Pahang**

Ia diwakafkan oleh Syed Hassan bin al-Attas. Matlamat penubuhan adalah untuk menyebarkan agama Islam dan bahasa arab kepada rakyat tempatan. Madrasah pertama yang dibina pada tahun 1860 adalah Madrasah al-Attas. Ia didirikan di atas tanah yang diwakafkan oleh al-Habib Hassan al-Attas. Dalam tempoh pembangunannya sekolah ini menghadapi pelbagai masalah terutamanya masalah kewangan. Pada tahun 1966 hingga kini madrasah al-Attas ini telah diserahkan kepada kerajaan negeri Pahang. Kini ia dikenali dengan nama sekolah Menengah Agama al-Attas. Al-Habib Hassan al-Attas kemudiannya berhijrah ke Johor dan menubuhkan satu lagi Madrasah al-Attas di sana pada tahun 1913.

Madrasah ini kekal sehingga kini dan ditadbir oleh waris-waris beliau. Majlis Trustee merupakan pemegang amanah bagi harta wakaf al-marhum al-Habib Hassan al-Attas berdasarkan wasiat al-marhum. Madrasah ini telah berperanan dalam mengembangkan bahasa arab di Johor. Bahasa pengantar yang digunakan adalah bahasa arab dan pelajarnya terdiri daripada pelajar di dalam dan di luar negeri Johor. Guru-gurunya didatangkan dari Yaman selatan, Mesir dan Indonesia. Sebahagian pelajar dihantar ke Universiti al-Azhar di Mesir. Pada tahun 1970an madrasah ini telah menukar posisinya dengan menumpukan kepada pendidikan akademik sahaja bagi mengelakkan ia ditutup kerana masyarakat ketika itu kurang memberi sumbangan kepada pendidikan aliran arab dan agama. Pada tahun 1975, nazir Tuan Syed Ali al-Attas telah mengubah polisi dengan mengitegrasikan semua pelajaran agama dan arab dengan akademik. Tokoh-tokoh ulama

yang Berjaya dilahirkan dari madrasah ini adalah Dato' Ahmad Awang (Mufti Johor), Dato' Murtadza Ahmad (Mufti Negeri Sembilan), Pehin Dato' Sri Utama Hj Ismail Umar Abdul Aziz (Mufti Brunei) dan Dato' Harusani Zakaria (Mufti Perak) (Ahmad Zaki et al. 2008).

### **Sekolah Agama Arab al-Masriyah, Bukit Mertajam**

Sekolah ini ditubuhkan oleh Tuan Guru Hj Salleh al-Masri pada tahun 1906 berteraskan sistem pondok. Ia dibina di atas sebidang tanah yang diwalafkan oleh bapa mentuanya Tuan Haji Abbas serta beberapa orang hartawan di sekitar Bukit Mertajam. Sehingga kini tapak sekolah ini telah didaftarkan di atas nama Majlis Agama Pulau Pinang (MAIPP) oleh pewakaf dalam dan luar Negara.

Sistem pengajian di sini adalah dari peringkat Taska Asuhan Kanak-kanak Islam (TASKI) hingga ke peringkat menengah. Ia ditadbir oleh keluarga Tuan Guru Hj Fuad, menantu kepada Tuan Hj Salleh al-Masri. Pentadbir dan pengurus sekolah dilantik oleh Jemaah Lembaga Pengawasan Sekolah di bawah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP). Pada tahun 2005 sekolah ini telah dinobatkan sebagai sekolah terbaik di Pulau Pinang oleh MAIPP dan juga telah mendapat pengiktirafan madrasah Thanawiah Malaysia dari Universiti Madinah. Pelajar yang mendapat syahadah thanawiah dari seolah ini diterima untuk melanjutkan pelajaran tahun pertama di Universiti Madinah kecuali bagi Fakulti al-Quran yang mngenakan syarat tambahan iaitu pelajar mestilah seorang hafiz/hafizah.

Antara tokoh kelahiran sekolah ini adalah Tuan Syeikh Hassan al-Yamani (bekas Mufti Terengganu), YB Dato' Hj Ishak Baharom (bekas Mufti Selangor), YB Dato' Hj Hashim Yahaya (bekas Mufti Wilayah Persekutuan), Tuan Hj Adnan Mohd Amin (bekas Kadi Melaka), Tuan Hj Ismail Hamzah (bekas Mufti Perak) dan ramai lagi (Ahmad Zaki et al. 2008).

### **Madrasah Khairiah Islamiah, Pokok Sena, Kepala Batas, Kedah**

Ia merupakan sebuah institusi pendidikan menengah agama rakyat yang terkenal di Pulau Pinang. Ia diasaskan oleh Tuan Hj Hussin bin Hj Mohd Nasir al-Masudi (1863-1935). Setelah kematiannya, jawatan Mudir diambil alih oleh anak beliau, Tuan Hj Ahmad. Sekolah ini dibina di atas sekeping tanah seluas satu ekar di Pokok Sena, Kepala Batas yang diwakafkan oleh pengasas sekolah ini. Matlamat penubuhan sekolah ini adalah untuk mendidik dan menanamkan semangat kasihkan agama, bangsa dan tanahair di kalangan anak bangsa (Ahmad Zaki et al. 2008).

### **Madrasah Masyhor Al-Islamiyyah**

Pada tahun 1916, beberapa tokoh Islam di Georgetown telah mendirikan Sekolah al-Quran untuk kanak-kanak. Haji Bacik (seorang hartawan) telah mewakafkan tanahnya di Tek Soon Street bagi pembukaan Madrasah Masyhor al-Islamiyyah. Syed Syeikh Bacik menjadi pentadbir sekolah ini. Sekolah ini mengajar agama dan bahasa Inggeris. Madrasah ini menjadi pusat pengajian Islam yang unggul tertamanya sepuluh tahun selepas perang dunia kedua dan menjadi saluran bagi penuntut ke luar negara. Madrasah ini menyediakan pendidikan percuma kecuali bayaran penginapan (Ahmad Zaki et al. 2008).

## **Maktab Mahmud**

Sekolah ini diasaskan oleh al-Marhum DYMM Tunku Mahmud ibn al-Marhum Tunku Ahmad Tajuddin al-Mukarram Shah pada 16 Jun 1936. Matlamat penubuhan adalah untuk menjadikannya sebagai pusat penyebaran agama Islam, bahasa arab serta melahirkan tokoh-tokoh agama. Pengasas berpendapat bahawa dia perlu menuju sebuah sekolah yang setanding dengan sekolah Inggeris. Sistem pendidikannya adalah berdasarkan sistem pendidikan al-Azhar di Mesir.

Sekolah ini dibiayai oleh kerajaan negeri dan kerajaan pusat melalui kementerian pelajaran, juga hasil wakaf dari orang perseorangan berupa tanah bendang seluas 122 relung di tujuh kawasan berasingan dalam daerah Kubang Pasu, kedah. Sekolah ini mempunyai cawangan di Langkawi dan Yan. Pada tahun 2002 kerajaan pusat telah menahan bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah agama dan Maktab Mahmud telah mengambil alih semua sekolah agama yang hampir ditutup melalui Lembaga Pentadbiran Maktab Mahmud yang dipengerusikan oleh seorang exco negeri. Sekolah-sekolah tersebut dijadikan sebagai cawangan kepada Maktab Mahmud.

Tokoh yang lahir dari sekolah ini adalah Dato' Dr. Abdul Halim Ismail (tokoh Kewangan Islam), Dato' Dr Mashitah Ibrahim dan Datuk Paduka Diraja Sheikh Abdul Majid Mat Noor (bekas Mufti Kedah) (Ahmad Zaki et al. 2008).

## **Kolej Islam Malaya**

Ia merupakan sebuah Maahad bertaraf Kolej Islam Malaya. Ia dibangunkan atas dasar wakaf dan derma dari umat Islam. Sultan Hisamudin Alam Shah telah mewakafkan Istana Selangor di Klang sebagai bangunan kolej. Pada 25 februari 1955 kolej ini telah dilancarkan dan menerima 55 orang pelajar. Ia dipimpin oleh graduan al-Azhar dan Universiti Kaherah iaitu Ismail Omar Abdul Aziz. Kerajaan Republik Arab juga telah mengutus dua orang sarjana untuk menyumbangkan tenaga kepada kolej ini. Kolej Islam Malaya bertahan hingga tahun 1970 dan kemudiannya diganti dengan Kolej Islam Klang. Matlamat penubuhan Kolej Islam Malaya tetap diteruskan dan harta wakaf ini dipegang oleh Lembaga Bersekutu Pemegang Amanah Pengajian Tinggi Malaysia (Ahmad Zaki et al. 2008).

Demikianlah contoh beberapa sekolah yang ditubuh berdasarkan wakaf di Malaysia pada peringkat awal. Pondok, sekolah, madrasah dan sekolah agama rakyat ini menjadi khazanah yang amat bernilai bagi umat Islam kerana berjasa mempertahankan akidah umat Islam sejak zaman penjajahan di samping menjadi alternatif kepada sistem pendidikan kebangsaan. Institusi ini juga terus membekalkan tokoh-tokoh agama yang disegani dan diiktiraf sumbangan mereka oleh masyarakat dan agama.

## **WAKAF INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

Keperluan pendidikan yang baik bukan sahaja mampu melahirkan modal insan yang berkualiti dari sudut pengetahuan dan kemahiran, malah ia menjurus kepada penerapan sahsiah dan nilai murni diri. Kualiti dan keupayaan modal insan sebegini mampu mendorong kepada peningkatan produktiviti dan pendapatan negara (Hashim 1990). Bagi masyarakat Islam pula, pelaburan dari sudut pendidikan bukan sahaja tertumpu kepada pencapaian akademik yang bersifat keduniaan sahaja, namun ia juga bertujuan merangka kelahiran insan yang lebih baik dari aspek keagamaan. Ini terbukti apabila orang-orang Melayu zaman dahulu lebih berminat untuk memberikan pendidikan berteraskan keagamaan kepada anak-anak mereka. Hasil kesedaran tentang kepentingan pendidikan

ini jugalah yang membuka jalan kepada mereka yang berkemampuan pada waktu itu untuk mewakafkan tanah serta pelbagai harta benda yang lain bagi kegunaan pendidikan. Sehubungan itu, jika diperhatikan, dana pendidikan Islam zaman lampau kebanyakannya bergantung penuh kepada dana wakaf sehingga melahirkan cerdik pandai dalam semua disiplin ilmu. Amalan wakaf dalam pendidikan di kalangan umat Islam di Malaysia sebenarnya telah bermula sejak kedatangan agama Islam di Kepulauan Tanah Melayu lagi (Latiff Azha et al. 2013).

Institusi pondok merupakan satu contoh amalan wakaf yang terawal di negara ini yang mana kebanyakannya dipelopori oleh alim ulama pada zaman itu. Antara madrasah dan pondok yang didirikan di atas tanah wakaf dan mendapat pembiayaan melalui hasil wakaf ialah Madrasah Hamidiah (kini dikenali sebagai Maahad Mahmud) di Kedah, Madrasah Sultan Zainal Abidin (kini UniSZA) di Terengganu dan Kolej Islam Malaya (kini Kolej Islam Sultan Alam Shah) di Selangor (Khoo 1980). Justeru melihat kepada kejayaan institusi-institusi pendidikan tersebut, maka tradisi keagamaan ini sangat wajar diteruskan. Berdasarkan fakta, sumbangan wakaf dalam menyediakan pendidikan kepada umat Islam di negara ini amat banyak. Ia dibuat dalam pelbagai bentuk seperti wakaf asrama pelajar, biasiswa, bangunan serta kelengkapan pelajaran seperti buku-buku, meja-meja belajar dan sebagainya. Kepentingan wakaf dalam perkembangan pendidikan telah terbukti sepertimana kata-kata Profesor Hassan Langgulung, “*Kalau kita selidiki sejarah pendidikan Islam, terutamanya dalam zaman kegemilangannya, kita dapat sangat erat hubungan pendidikan dengan sistem wakaf yang merupakan salah satu ibadat yang berkaitan dengan harta benda*” (Hassan 1987).

Walau bagaimanapun, sehingga kini, kebanyakan institusi pendidikan wakaf ini tertumpu kepada tahap pendidikan peringkat rendah dan menengah. Penubuhan institusi pendidikan wakaf peringkat tinggi didapati masih kurang menggalakkan (Ram al-Jafri Saad 2014). Bagi menjamin kesinambungan perkembangan pendidikan yang lebih baik menerusi konsep ini, institusi pendidikan di negara ini perlu diperingkatkan ke tahap yang lebih tinggi. Selain itu, bidang keilmuan juga perlu ditambah agar ia tidak terhad kepada ilmu keagamaan sahaja tetapi juga mencakupi bidang-bidang akademik yang lain. Hasrat ini mampu dicapai melalui penubuhan dan pembangunan institusi pendidikan tinggi iaitu kolej, kolej universiti dan juga universiti. Bukti kejayaan wakaf pendidikan bagi peringkat tinggi jelas apabila institusi pengajian tinggi yang terkenal dalam sejarah Islam berasaskan wakaf iaitu Universiti al-Azhar di Mesir telah berjaya mengangkat agenda pendidikan di mata dunia. Institusi yang terbina lebih seribu tahun yang lalu ini hanya bermula dengan sebuah masjid namun kemudiannya telah berkembang sehingga menjadi sebuah universiti tersohor dan gah di dunia. Penyediaan institusi pendidikan tinggi melalui konsep yang sama juga telah diperkembangkan oleh masyarakat barat dan ia dikenali sebagai “*endowment*”. Ini jelas apabila pembangunan universiti seperti Harvard, Oxford, Cambridge, Yale dan Stanford telah dilakukan melalui kaedah tersebut (Aminah et al. 2014). Jika dilihat kepada Dana Endowmen Universiti Havard, dalam tahun 2008, sejumlah US\$1.8 billion telah disumbangkan kepada pihak Universiti untuk pelbagai aktiviti dan keperluan (Syed Muhammad Ghazali Wafa et al. 2010).

Selain itu, universiti-universiti lain di dunia yang juga menggunakan dana wakaf ialah Universiti Cordova di Sepanyol, al-Jami'ah al-Islamiyyah di Madinah serta Madrasah Nizamiyyah di Baghdad. Pada masa kini, Malaysia juga mempunyai beberapa institusi pengajian tinggi yang telah ditubuhkan berasaskan wakaf. Antaranya ialah, Universiti Islam Malaysia, Kolej Universiti Bestari, Kolej Universiti Islam Perlis dan Kolej Universiti Islam Selangor. Universiti-universiti yang diwujudkan berasaskan wakaf ini secara langsung dapat menyediakan peluang pendidikan kepada anak-anak orang fakir dan miskin dan anak-anak yatim di seluruh negara. Sebagai contoh, keutamaan boleh

diberikan kepada anak-anak asnaf zakat untuk diterima masuk ke dalam universiti ini. Kewujudan universiti ini juga bukan sahaja dapat menyumbang kepada kemajuan agama dan ummah, malah ia dapat memperkasakan ekonomi umat Islam. Selain itu, saranan dan galakan bagi mewujudkan institusi pendidikan tinggi berasaskan instrumen wakaf ini juga dibuat bertujuan membantu kerajaan sepertimana yang disuarakan oleh Timbalan Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), Mohamad Sahar Mat Din yang menyatakan bahawa beban kerajaan boleh dikurangkan sekiranya institusi pendidikan diwakafkan ekoran universiti-universiti kini kurang usaha untuk menjana pendapatan sendiri.

Bagi mengembangkan lagi potensi penjanaan pendapatan bagi penubuhan Institusi pendidikan tinggi wakaf di Malaysia, kaedah ‘wakaf kaki’ yang sudah popular sejak zaman berzaman boleh digunakan untuk mengumpul dana kewangan. Kaedah wakaf kaki ini dilaksanakan mengikut persetujuan pewakaf untuk membeli ruang atau keluasan sesuatu bangunan atau harta tanah yang akan dibangunkan dan mewakafkannya kembali kepada institusi berkenaan. Dana kewangan berasaskan wakaf kaki ini pastinya dapat meringankan beban pembangunan institusi tersebut dalam tempoh jangka masa panjang berbanding jika menggunakan dana kewangan yang diperolehi melalui pinjaman dari institusi kewangan seperti bank bagi tujuan pembangunan infrastruktur (Mokhtar 2014). Selain itu, konsep wakaf dalam institusi pendidikan tinggi juga dikenal pasti sangat berkesan untuk mengukuhkan dana sesebuah universiti. Justeru itu, institusi pengajian tinggi (IPT) mempunyai pilihan dan digesa mengambil peluang untuk memperkasa ekonominya melalui kaedah wakaf (Mokhtar 2014). Menurut Profesor Noor Inayah Yaakub (2014), Indeks Pencapaian Utama (KPI) ke atas institusi pengajian tinggi (IPT) Malaysia perlu kepada, penggubalan untuk menjana pendapatan sendiri tanpa terlalu bergantung kepada kerajaan.

Terdapat beberapa universiti di Malaysia yang serius menjadikan konsep wakaf sebagai kaedah penjanaan kewangan universiti seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia (UM). Agenda wakaf institusi pendidikan tinggi terbukti mendapat tempat di Malaysia dengan wujudnya universiti wakaf pertama di Malaysia iaitu Universiti Islam Malaysia (UIM) yang terletak di Cyberjaya. Ia merupakan satu-satunya universiti pertama ditubuhkan di bawah naungan Majlis Raja-raja Melayu pada 12 Oktober 2010. UIM dianggap sebagai pelopor kepada wakaf pendidikan negara dan akan dijadikan panduan untuk penubuhan wakaf institusi pendidikan tinggi di masa akan datang.

### **Wakaf Universiti Putra Malaysia (Dana Wakaf Ilmu)**

Usaha untuk membangunkan dana wakaf telah dilakukan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Dana Wakaf Ilmu yang ditubuhkan pada 2011. Kerjasama UPM dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dilakukan untuk mewujudkan Akaun Khas Dana Wakaf Ilmu UPM, penubuhan Jawantankuasa Syariah Dana Wakaf Ilmu UPM dan Jawatankuasa Dana Wakaf Ilmu UPM.

Dalam konteks Universiti, dana wakaf ilmu UPM bermaksud inisiatif program penjanaan dana di UPM yang menggunakan kaedah wakaf melalui sumbangan individu, sumbangan korporat, koperasi dan badan bukan kerajaan, pulangan dari harta tanah wakaf, hasil projek sektor pertanian dan perladangan, hasil projek sektor perindustrian dan pulangan portfolio pasaran wang dan modal bertujuan untuk mewujudkan suatu infrastruktur jangka panjang yang lestari bagi memenuhi sebahagian keperluan dan pembiayaan aktiviti akademik melibatkan Warga UPM. Menurut Dato' Setia Mohamad Azib, setiap dana infaq dan wakaf ilmu di UPM, sama ada wakaf Am atau wakaf Khas,

akan digunakan untuk penyediaan fasiliti dan prasarana bagi aktiviti keilmuan, merangkumi program pengajaran dan pembelajaran, aktiviti dakwah dan pengimaranhan, penyelidikan dan inovasi serta khidmat komuniti. Wakaf Ilmu UPM adalah satu cara menderma dan berwakaf melalui wang tunai dengan niat mewakafkannya selama-lamanya kerana Allah S.W.T demi kepentingan dan kemajuan ilmu (Noor Eszereen 2014).

### **Wakaf USIM - Pusat Pembiayaan Wakaf USIM**

Prof. Dato' Dr. Hj. Mohamad Hj Alias, Pengarah Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf USIM berkata, keperluan kepada pengurusan dan governan wakaf secara korporat dan profesional sebagaimana diamalkan di Singapura amat diperlukan oleh negara. Sejajar dengan keperluan amalan berwakaf, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berpandukan visinya telah mengambil inisiatif untuk mengetengahkan kaedah wakaf dalam aspek pembiayaan pembangunan pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Islam. Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail dalam amanat tahun baru pada 6 Februari 2013 menyatakan bahawa dalam aspek penjanaan pendapatan, universiti bukan hanya ingin melihat tetapi juga menggerakkan Pembiayaan Wakaf.

Tata cara menguruskannya perlu lebih dinamik dan mungkin boleh dikupas oleh pakar di USIM untuk mewujudkan universiti hybrid yang dibayai 70 peratus oleh Kerajaan dan 30 peratus secara wakaf. Idea mewujudkan universiti hybrid yang ingin dilaksanakan USIM itu adalah gabungan konsep enterprise sosial, pematuhan syariah dan pembiayaan wakaf. Antara fokusnya adalah menyediakan peluang pembiayaan wakaf bagi perolehan peralatan perubatan untuk Hospital Pengajar USIM yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Tiga konsep utama tersebut direalisasikan berdasarkan gabungan antara USIM sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan perkhidmatan kepada masyarakat setempat (Negeri Sembilan) dan Malaysia secara umumnya. Sebagai permulaan, Klinik Pakar Kesihatan USIM akan dibina dengan bantuan dana sebanyak RM2 juta daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan memorandum persefahaman kerjasama itu telah ditandatangani. Klinik itu akan menyediakan khidmat dalam bidang kesihatan dan pergigian. Doktor-doktor pakar yang terlibat adalah daripada tenaga akademik Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Fakulti Pergigian USIM. Selain itu, Klinik Hemodialisis USIM-MAINS dengan kos permulaan RM1.5 juta juga akan dibina dengan kos keseluruhannya ditaja MAINS. Perlaksanaan projek itu akan dilakukan oleh Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan sebagai mutawalli sebelum diserahkan kepada USIM untuk tujuan operasi. Klinik itu berperanan memberikan perkhidmatan percuma kepada golongan asnaf yang terlibat dengan bantuan zakat. Malah jaringan kerjasama itu lebih bermakna apabila USIM dilantik sebagai mutawalli oleh MAINS pada bulan Julai 2013. Kerjasama itu mampu memberi kesan positif kepada pembangunan ekonomi masyarakat sekitar, negara dan ummah secara global dalam menjamin kelangsungan dan kelestarian ekonomi untuk generasi Muslim pada masa akan datang (Mohammad & Fuadah 2014).

### **Wakaf UIA - IIUM Endowment Fund**

IIUM Endowment Fund merupakan sebuah badan atau jabatan yang ditubuhkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia secara rasmi pada tahun 1999 oleh rektor universiti yang kedua iaitu Prof. Datuk Dr. Abdul Hamid Abu Sulaiman. Objektif penubuhan adalah untuk mengatasi masalah kewangan yang agak serius di kalangan pelajar dari luar negara. Kini pertubuhan menerima permohonan bantuan dari pelajar tempatan yang juga menghadapi masalah yang sama. Sehingga kini statistik

menunjukkan bahawa bantuan kepada pelajar tempatan adalah lebih banyak lagi berbanding dengan pelajar luar negara.

Pertubuhan ada menerima bantuan kewangan dari organisasi-organisasi atau pun individu-individu terutama dari kakitangan universiti yang memberi sumbangan atas nama pemberian zakat (sama ada zakat harta simpanan atau pun perniagaan). Ada juga individu atau organisasi yang memberikan sumbangan atau nama sedekah kepada pihak pertubuhan. Bagi dana yang diterima atas nama sedekah, pertubuhan akan membuat pelaburan dari dana tersebut untuk mengembangkan sumber pendapatan yang ada. Secara tidak langsung, akan memberi penambahan sumber dana yang sedia ada. Antara organisasi yang memberikan bantuan seperti bank, yayasan, dan syarikat swasta. Sebagai contoh Prof Dr Yusuf Abdullah Ali Al-Qaradawi telah menyumbangkan RM40,000 kepada IIUM Endowment fund pada tahun 2009.

## KESIMPULAN

Wakaf pendidikan perlu diaplikasikan berlandaskan konsep tidak bergantung kepada mana-mana sumber kewangan kerajaan yang mana lebih dikuasai oleh sistem politik. Sumber wakaf di Universiti al-Azhar dan beberapa tempat lain di dunia membuktikan bahawa sistem pendidikan Islam mampu tersebar luas dengan memberikan keistimewaan kepada semua umat Islam yang ingin menimba ilmu. Dalam era globalisasi ini adalah menjadi satu cabaran untuk digalas oleh institusi pendidikan untuk menyediakan pendidikan yang terbaik, efisien di setiap peringkat pendidikan untuk semua golongan masyarakat.

Cabaran utama adalah untuk mencari dana dan kaedah yang sesuai untuk mengembangkan dana wakaf agar Institusi pendidikan wakaf dapat meneruskan kelangsungan dan kelestarian pendidikan. Antara cadangan untuk memperkasakan lagi wakaf pendidikan adalah memanfaatkan konsep wakaf tunai bagi membantu pembiayaan pendidikan melalui mekanisme subsidi menerusi pengurangan yuran atau pemberian wang saguhati. Model wakaf IPT juga tidak terhad kepada bentuk wang tunai dan harta tanah sahaja malah merangkumi pengajaran, penyelidikan dan penulisan, buku dan alat bantuan mengajar. IPT juga disarankan menujuhkan institusi khas untuk menguruskan wakaf serta berusaha memiliki aset dan tanah yang diwakafkan oleh kerajaan atau orang ramai melalui perundingan. IPT juga disarankan membina jaringan dengan individu atau syarikat korporat ternama, selain bekerjasama dengan yayasan wakaf luar negara untuk mendapatkan dana.

Model wakaf di Universiti Al-Azhar, Mesir dan Pesantren di Indonesia patut dijadikan model dalam merealisasikan institusi pendidikan wakaf yang tersohor di mata dunia. Usaha memberikan pencerahan dan pemahaman kepada masyarakat juga penting dan perlu dilaksanakan untuk menjamin kecukupan dana yang diperlukan. Rakyat perlu sedar dan memandang serius tentang keperluan berwakaf dan manfaat yang akan mereka terima hasil daripada wakaf tersebut. Huraian ini dapat merumuskan bahawa wakaf mampu membantu dalam memajukan sistem pendidikan sejak dahulu lagi dan banyak menyumbang kepada faktor positif keberlangsungan institusi pendidikan negara. Kini peranan yang lebih serius perlu dijalankan oleh semua pihak dalam memastikan wakaf diarus perdana dan relevan dilaksanakan.

## PENGHARGAAN

Kertas penyelidikan ini adalah di bawah Projek 3, Sub-projek A: Persepsi Masyarakat Multi Etnik Terhadap Wakaf Pendidikan Tinggi Negara (LRGS/2013/UKM-UKM/SI/03/01)

adalah sebahagian daripada Geran Penyelidikan LRGS (LRGS/2013/UKM-UKM/SI/03) di bawah tajuk 'Pelestarian Institusi Wakaf Untuk Memperkasa Pendidikan Tinggi Negara'. Penghargaan dan penghargaan yang besar kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana memberikan geran ini.

## RUJUKAN

- Abu Zahrah, Muhammad. 2007. *Wakaf menurut Agama dan Undang-undang*. Terj. Muhammad Yusuf Sinaga. Selangor: Khazanah Intelektual.
- Ahmad Zaki Abd Latiff, Abdul Halim Ramli, Che Zuina Ismail, Kamarulzaman Sulaiman & Norzaidi Mohd Daud. 2008. *Wakaf, Pengurusan dan Sumbangannya terhadap Pendidikan Islam di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti, Universiti Teknologi MARA.
- Aminah Md Yusof, Ismail Omar & Julaida Johan. 2014. Endowment and waqf in higher education. Dlm. Land Questions Aspect of Land Management and Development (pnyt.). *Land Questions Aspect of Land Management and Development*, hlm. 199. Johor: Muafakat Jaya Percitakan Sdn. Bhd.
- Asmak Ab Rahman. 2009. Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Shariah Journal* 17(1): 113-152.
- Hassan Langgulung. 1987. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Husna.
- Khoo, Kay Kim. 1980. Perkembangan pelajaran agama Islam. Dlm. Awang Had Salleh (pnyt.). *Pendidikan ke Arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*, hlm. 1-36. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Latiff Azha, Sayin Baharuddin, Sayurno, S.S. Salahuddin, M. Rani Afandi & Hamid Afifah H. 2013. The Practice and Management of Waqf Education in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 90: 22-30. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.07.061>
- Mohammad Alias & Fuadah Johari. 2014. USIM majukan wakaf pendidikan. *Utusan Online*, 5 Mac. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Bicara\\_Agama/20140305/ba\\_04/USIM-majukan-wakaf-pendidikan](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20140305/ba_04/USIM-majukan-wakaf-pendidikan)
- Mohd Zamro Muda, Mohd Ridzuan Awang, Abdul Basir Mohamad, Md Yazid Ahmad. 2008. *Pengantar Undang-undang Pentadbiran Pusaka, Wasiat dan Wakaf Orang Islam di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mokthar Ismail. 2014. Memperkasa ekonomi dan kewangan Institusi Pengajian Tinggi Islam (IPTI) di Malaysia: Pandangan dan cadangan. Paperwork Conference of Management and Muamalah (CoMM). Organised by Faculty of Management and Muamalah, International Islamic University College Selangor. International Islamic University College Selangor, 26 & 27 May.
- Noor Eszereen Juferi. 2014. UPM-MAIS bekerjasama urus dana wakaf ilmu UPM. *Laman Web Rasmi Universiti Putra Malaysia*. <http://www.upm.edu.my/berita/details/upmmaiskerjasamaBM>. [7 November 2014].
- Noor Inayah Yaakob. 2014. Mencorakkan kejayaan wakaf pendidikan. *Utusan Malaysia*, 13 Jun. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140613/re\\_03/Mencorakkan-kejayaan-wakaf-pendidikan](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140613/re_03/Mencorakkan-kejayaan-wakaf-pendidikan).
- Nor Asiah Mohamad, Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kader & Zuraidah Ali. 2012. Waqf lands and challenges from the legal perspectives in Malaysia. *IIUM-Toyo University Joint Symposium Sustainable Build Environment Proceeding*
- Raziatul Hanum A. Rajak. 2014. Wakaf, zakat kurang berkesan di Malaysia. *Sinar Harian*, 7 Januari. <http://www.sinharharian.com.my/wakaf-zakat-kurang-berkesan-di-malaysia-1.238109>.
- Rosnani Hashim. 1990. Ekonomi dan pendidikan: Peranan institusi wakaf. *Jurnal Pendidikan Islam* 3(1): 40-50.

- al-Shawkani, Muhammad bin 'Ali. t.th. *Nayl al-Awtar*. Jil. 6. al-Qahirah: Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihhi.
- Siti Mashitoh Mahamood. 2006. *Waqf in Malaysia: Legal and Administrative Perspective*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya Press.
- Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa. 2010. Pembangunan wakaf pendidikan di Malaysia. *Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat dan Waqf Economy Proceeding*, hlm. 138-153.
- Unit Penyelidikan Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad. 2012. Wakaf tunai: Hukum & konsep asas. *Majalah al-Muamalat* Siri 7.

### **Mengenai Penulis**

Mohd Syakir Bin Hj Mohd Taib merupakan pelajar PhD di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM Bangi. Tajuk Kajian Phd bertajuk: Wakaf Pendidikan Tinggi Negara: Kefahaman, Cabaran dan Strategi. Beliau boleh dihubungi di emel sharkkay989@gmail.com.

Wan Kamal Mujani merupakan profesor di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM Bangi. Kini bertanggungjawab sebagai Dekan Fakulti Pengajian Islam UKM. Beliau boleh dihubungi di emel inamal@yahoo.com.

Ermy Azziaty Rozali merupakan Profesor Madya di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM Bangi. Beliau boleh dihubungi di emel ermy@ukm.edu.my.

Kartini Binti Aboo Talib @ Khalid merupakan profesor Madya dan juga bertugas sebagai Timbalan Pengarah Institut Kajian Etnik, UKM Bangi. Beliau boleh dihubungi di emel di k\_khalid@ukm.edu.my.